

28/08/2001

KL-Jakarta sepakat (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia dan Indonesia hari ini sepakat untuk meningkatkan kerjasama membanteras kegiatan militan, terutama pergerakan pelampau yang melepasi sempadan serantau.

Kesepakatan itu dicapai pada mesyuarat pertama di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri yang dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia.

Dalam mesyuarat lebih sejam itu, kedua-dua pemimpin itu melahirkan kebimbangan mengenai keganasan pergerakan militan dan pelampau yang kini mempunyai rangkaian serantau.

Malah, dalam perbincangan itu Dr Mahathir turut memberi taklimat mengenai usaha Malaysia menangani kegiatan pelampau, seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Megawati pula ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kegiatan KMM dan kaitannya dengan pergerakan militan di Indonesia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang turut menyertai pertemuan itu, berkata kedua-dua pemimpin memberi penekanan mengenai pentingnya mengadakan kerjasama rapat bagi menjamin keselamatan kedua-dua negara.

"Ini juga penting untuk mengelakkannya menjadi satu perkara yang menyusahkan kedua-dua negara atau negara lain di rantau ini," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat berkenaan yang turut dihadiri Menteri Luar Indonesia, Noer Hassan Wirajuda.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir dan Megawati bersetuju agar agensi kedua-dua negara yang bertanggungjawab memantau dan mengawal keselamatan, meningkatkan kerjasama menangani masalah keganasan dan kegiatan pelampau.

Katanya, kerjasama yang dipersetujui meliputi pertukaran maklumat risikan dan mengambil tindakan awal bukan saja bagi mengekang kegiatan yang boleh mengancam soal dalaman kedua-dua negara, malah di rantau ini.

Difahamkan, isu keselamatan dan ancaman gerakan militan mendapat perhatian kedua-dua pemimpin itu berikutan penangkapan anggota KMM yang dipercayai turut terbabit dalam beberapa siri keganasan dan letupan bom di Indonesia.

Setakat ini, polis Malaysia menahan 10 anggota KMM mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), manakala seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, 26, ditahan pihak berkuasa Indonesia kerana terbabit dalam pengeboman dua gereja dan sebuah pusat beli-belah di Jakarta.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir memaklumkan Megawati mengenai kegiatan KMM dan rangkaianannya dengan kumpulan di Indonesia serta negara lain.

"Tetapi disebabkan bentuk maklumat ini agak sensitif, kita tidak boleh mendedahkannya banyak sangat, nanti akan mengecewakan polis yang sedang menyiasat," katanya.

Ditanya reaksi Megawati apabila Dr Mahathir memberikan maklumat mengenai rangkaian kumpulan militan itu, Syed Hamid berkata pihak Indonesia ingin mengetahui kegiatan yang mempunyai rangkaian melepasi sempadan kedua-dua negara selain di Selatan Thailand.

Katanya, perbincangan itu bagi mencari jalan melipatgandakan usaha serta kerjasama antara kedua-dua negara kerana kegiatan militan itu berbentuk keagamaan atau dalam bentuk lain.

"Disebabkan ada unsur keagamaan, mereka yang terbabit juga adalah pelampau agama. Oleh itu, adalah baik kita bekerjasama. Kita sudah lakukannya dengan banyak negara dalam bidang lain, seperti narkotik, termasuk bekerjasama rapat dengan Amerika Syarikat," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia kadang-kala disalahgunakan oleh negara atau kumpulan tertentu dan Dr Mahathir menjelaskan perkara itu kerana Malaysia juga dijadikan pintu keluar masuk kegiatan melampau selain narkotik.

Katanya, Megawati turut berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana pendirian tegas Malaysia untuk tidak menyokong kumpulan pemisah Aceh bagi menghormati wilayah itu sebagai kedaulatan Indonesia.

"Aceh adalah soal dalaman Indonesia dan kita tidak akan menyokong pergerakan kumpulan pemisahnya atau untuk kemerdekaan Aceh. Saya rasa dalam beberapa kes, Malaysia dituduh menyeludup senjata," katanya.

Mengenai isu pendatang tanpa izin Indonesia, Syed Hamid berkata, Malaysia menekankan mengenai perlunya kemasukan itu dilakukan mengikut saluran sah bagi membolehkan mereka mendapat perlindungan serta tidak dieksploitasi mana-mana pihak.

Katanya, Indonesia bersetuju supaya keadaan ini perlu ditangani dengan baik dan sempurna.

"Ada pekerja Indonesia berminat bekerja di sini. Kita tidak mahu mereka masuk secara haram, secara tidak sah dan ini akan membawa masalah. Kita mempunyai kerjasama di antara Jabatan Imigresen Malaysia dan Indonesia," katanya.

Bagaimanapun katanya, cadangan Malaysia untuk mengenakan hukuman sebat terhadap pendatang tanpa izin tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu kerana ia adalah undang-undang negara ini.

Syed Hamid juga berkata, Dr Mahathir dan Megawati mahukan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia (JCM) yang tidak mengadakan mesyuarat sejak dua tahun lalu, dijadikan mekanisme bagi memperkukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Kita sudah tidak ada mesyuarat JCM dua tahun. Banyak perkara yang tidak membolehkan kita untuk mengadakan mesyuarat itu. Bagaimanapun, kita akan menggunakan mekanisme JCM untuk menyusul perkara berhubung isu yang dibangkitkan supaya apa juga masalah dapat diselesaikan dengan cepat," katanya.

(END)